

## 300 orang mahasiswa UUM terima manfaat Program Bank Makanan

Sharilfuddin Saari  
16 September 2019 1:32 PM



**SULTAN SALLEHUDDIN SULTAN BADLISHAH** diberi penerangan oleh Saifuddin Nasution Ismail (kanan) ketika berkenan berangkat merasmikan Program Bank Makanan Siswa di Hotel dan Resorts EDC di Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah, semalam. - UTUSAN ONLINE

**SINTOK 16 Sept.** - Seramai 300 orang mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berkelayakan bakal memperoleh manfaat menerusi pelaksanaan Bank Makanan Siswa UUM yang telah dilancarkan di Hotel dan Resorts EDC di sini, semalam.

Pelancarannya disempurnakan Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani.

- UUM merupakan universiti awam ke-13 melaksanakan program tersebut di bawah kendalian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Bank Makanan Siswa UUM digerakkan menerusi kaedah Pantri Makanan Berpusat yang menjadi lokasi pengumpulan bekalan makanan kering, hasil sumbangan daripada pihak penaja sebelum diagihkan kepada 15 buah inapan siswa di universiti itu.

Seramai 30 orang pelajar dari 15 buah inapan siswa yang telah dipilih untuk menjadi sukarelawan Bank Makanan Siswa UUM, akan bekerjasama dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Kepimpinan Pembangunan Siswa (JKPS) dan pegawai universiti untuk tujuan pengagihan makanan.

Sehingga kini, lebih 4,000 orang pelajar universiti awam di seluruh negara telah mendapat manfaat daripada program Bank Makanan Siswa yang dilancarkan KPDNHEP sejak Mac lalu.

Ia adalah kesinambungan daripada program Bank Makanan yang dilancarkan pada Ogos tahun lalu dan telah memberi manfaat kepada 37,000 orang individu dari kumpulan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) di seluruh negara.

Antara universiti awam yang telah melaksanakan program Bank Makanan Siswa ialah kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) Permatang Pauh, Pulau Pinang; Kampus Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Selain itu, Universiti Malaya (UM); Universiti Malaysia Sabah (UMS); Universiti Malaysia Sarawak (Unimas); Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai.

Turut serta Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur; Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Terdahulu, pada majlis sama, seramai 350 pelajar asnaf UUM turut menerima bantuan zakat. - UTUSAN ONLINE

